



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 JUN 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 14 Jun 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **6,588 kes** (586,864 kes kumulatif, 88.6%);
- Kes baharu : **4,949 kes** (662,457 kes kumulatif);
- Kes import : **6 kes** (2 warganegara; 4 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,943 kes** [4,019 warganegara (81.3%); 924 bukan warganegara (18.7%)];
- Kes aktif : **71,625 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **921 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **459 kes**;
- Kes kematian : **60 kes** (3,968 kes kumulatif, 0.60%; 58 warganegara, 2 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,494 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **17 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,720 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **774 kluster**.


Sebanyak **60 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **18 kes** di Selangor, **sembilan (9)** kes di Johor, lapan **(8) kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **tujuh (7) kes** di Negeri Sembilan, **enam (6) kes** di Sarawak, **empat (4) kes** di Wilayah Persekutuan Labuan, masing-masing **dua (2) kes** di Pulau Pinang dan Kelantan, serta masing-masing **satu (1) kes** di Sabah, Terengganu, Perak, dan Melaka.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

PENINGKATAN PERATUSAN KLUSTER TEMPAT KERJA MASIH BERTERUSAN


Sehingga 14 Jun 2021, sejumlah 1,328 kluster tempat kerja telah dilaporkan. Sebanyak 624,246 individu telah disaring dalam kluster-kluster tersebut dengan 147,040 kes telah dikesan positif COVID-19 (kadar positifiti sebanyak 23.6 peratus). Walaupun tren kes mingguan di Malaysia menunjukkan penurunan dalam dua minggu ini, namun kluster-kluster tempat kerja terus menyumbang kepada pertambahan kluster-kluster baharu di Malaysia.

Graf 1: Tren Kluster Tempat Kerja Mengikut Minggu Epidemiologi Bagi Tahun 2021



Kebanyakan kes-kes positif yang dilaporkan dalam kategori kluster tempat kerja ini terdiri daripada bukan warganegara Malaysia iaitu sebanyak 100,086 kes (68 peratus) berbanding warganegara iaitu sebanyak 46,954 kes (32 peratus). Sektor pengilangan melaporkan jumlah kes tertinggi dalam kategori kluster tempat kerja, iaitu sebanyak 95,156 kes melibatkan 639 kluster.

Graf 2 : Pecahan Jumlah Warganegara Dan Bukan Warganegara Bagi Kluster Tempat Kerja



CPRC Kebangsaan KKM

Berikut adalah kluster-kluster tempat kerja yang masih aktif dengan kadar jangkitan yang tinggi di tempat kerja (Jadual 1). Usaha berterusan oleh majikan dalam menjalankan ujian saringan ke atas pekerja-pekerja amatlah dihargai sebagai langkah awal bagi membendung penularan jangkitan di tempat kerja.

Jadual 1: Lima (5) Kluster Aktif Tertinggi Bagi Kluster Tempat Kerja

No	Kluster	Negeri	Sub Kategori	Latar Belakang	Kes baharu	Jumlah Kes	Jumlah saringan
1	Kluster Jalan Tiga Salak Tinggi	Selangor	Pengilangan	Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Kawasan Perusahaan, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang	2	873	1,500
2	Kluster Industri Senawang	Negeri Sembilan, Melaka	Pengilangan	Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di <i>Senawang Industrial Estate</i> , Seremban	16	752	8,134
3	Kluster Industri Batu Berendam	Melaka	Pengilangan	Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Zon Perindustrian Bebas Batu Berendam, Melaka Tengah.	14	641	15,578
4	Kluster Jalan Padang Tembak	Kelantan, Terengganu	Pengilangan	Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa 2, Jalan Padang Tembak, Kota Bharu.	0	598	1,565
5	Kluster Tok Has	Terengganu	Perkhidmatan	Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kedai makan yang terletak di Jalan Sebarang Jertih, Kampung Tok Has, Jerteh	0	541	3,679

Kementerian telah menetapkan pelbagai garis panduan dan SOP di tempat kerja seperti penjarakan fizikal, menghadkan

jumlah pekerja yang hadir ke tempat kerja, dan sebagainya. Walau bagaimanapun, didapati tahap kesedaran berkenaan kepentingan pelaksanaan SOP tersebut masih perlu dipertingkatkan. Masyarakat khususnya majikan dan pekerja-pekerja perlu menyedari bahawa kepatuhan kepada garis panduan adalah untuk kebaikan mereka juga.

Terdapat juga segelintir masyarakat yang hanya mengambil berat berkenaan pematuhan SOP apabila terdapat penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan. Kelekaan inilah yang banyak mengundang kepada peningkatan kes COVID-19 terutamanya di tempat kerja. Justeru, KKM berpendapat penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) di tempat kerja wajar dipertingkatkan dalam usaha untuk terus mengekang jangkitan COVID-19 khususnya melibatkan kluster-kluster di tempat kerja.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

14 Jun 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 14 JUN 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,523	216,481
WP KUALA LUMPUR	503 (2)	67,719
SABAH	273	66,316
JOHOR	430 (2)	65,069
SARAWAK	744	56,187
NEGERI SEMBILAN	323 (2)	34,105
PULAU PINANG	214	32,324
KELANTAN	214	32,267
PERAK	136	23,782
KEDAH	199	22,070
MELAKA	119	14,969
PAHANG	61	11,675
TERENGGANU	86	10,653
WP LABUAN	113	6,155
WP PUTRAJAYA	10	2,126
PERLIS	1	559
JUMLAH KESELURUHAN	4,949 (6)	662,457

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 60 kes kematian pada 14 Jun 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
3909	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	73	Hospital Kepala Batas	Darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
3910	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	86	Hospital Kepala Batas	Darah tinggi, kanser, saraf, dan paru-paru kronik
3911	Sarawak	Lelaki (WN)	50	Hospital Sibul	-
3912	Sarawak	Lelaki (WN)	55	Hospital Sibul	Darah tinggi dan dislipidemia
3913	Sabah	Lelaki (WN)	62	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
3914	Sarawak	Lelaki (WN)	57	Hospital Sibul	Darah tinggi dan buah pinggang kronik
3915	Johor	Perempuan (WN)	61	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Kencing manis dan Darah tinggi
3916	Selangor	Lelaki (WN)	41	Hospital Sungai Buloh	Obesiti
3917	Johor	Lelaki (WN)	72	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
3918	Perak	Lelaki (WN)	77	Hospital Taiping	Jantung dan paru-paru kronik
3919	Johor	Lelaki (WN)	68	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Darah tinggi dan jantung
3920	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	66	Hospital Tampin	-
3921	Sarawak	Perempuan (WN)	81	Hospital Kapit	Darah tinggi dan dislipidemia
3922	WP Labuan	Perempuan (WN)	69	Hospital Labuan	Darah tinggi
3923	Selangor	Lelaki (WN)	72	Hospital Putrajaya	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang kronik

3924	Selangor	Lelaki (WN)	77	Hospital Shah Alam	-
3925	Johor	Perempuan (WN)	54	Hospital Segamat	Darah tinggi dan tiroid
3926	Johor	Lelaki (WN)	52	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Darah tinggi dan buah pinggang
3927	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	64	Hospital Kuala Lumpur	-
3928	Terengganu	Lelaki (WN)	69	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
3929	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	64	Hospital Tampin	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3930	WP Labuan	Perempuan (WN)	34	Hospital Labuan	Kencing manis, obesiti, dan asma
3931	Selangor	Perempuan (WN)	67	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi dan dislipidemia
3932	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	76	Hospital Jelebu	Kencing manis dan strok
3933	WP Labuan	Perempuan (WN)	48	Hospital Labuan	Kencing manis
3934	Selangor	Perempuan (WN)	58	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3935	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	78	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
3936	Selangor	Lelaki (WN)	76	Hospital Banting	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan strok
3937	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	66	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
3938	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	65	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan tuberkulosis
3939	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	85	Hospital Kuala Lumpur	Dislipidemia, jantung, dan paru-paru kronik
3940	Selangor	Lelaki (WN)	62	Jenazah dibawa ke Hospital Kajang	-

3941	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	73	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi
3942	Melaka	Perempuan (WN)	70	Hospital Melaka	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
3943	Selangor	Lelaki (WN)	75	Hospital Selayang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3944	Johor	Lelaki (WN)	57	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kencing manis dan darah tinggi
3945	Kelantan	Perempuan (WN)	93	Jenazah dibawa ke Hospital Gua Musang	-
3946	Selangor	Perempuan (WN)	82	Hospital Kajang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3947	Selangor	Perempuan (WN)	64	Hospital Banting	Kencing manis, darah tinggi, dan hati
3948	Johor	Lelaki (WN)	45	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Darah tinggi dan obesiti
3949	Kelantan	Perempuan (WN)	84	Jenazah dibawa ke Hospital Gua Musang	-
3950	Selangor	Lelaki (WN)	62	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3951	Selangor	Perempuan (WN)	59	Hospital Selayang	Darah tinggi dan strok
3952	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Selayang	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, paru-paru kronik, dan buah pinggang kronik
3953	Johor	Perempuan (WN)	56	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
3954	Sarawak	Lelaki (WN)	85	Hospital Umum Sarawak, Kuching	Jantung dan buah pinggang kronik
3955	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	68	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Jantung
3956	Selangor	Lelaki (WN)	65	Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia

3957	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	64	Hospital Ampang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3958	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	68	Hospital Tampin	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3959	Selangor	Lelaki (WN)	89	Hospital Shah Alam	Strok, darah tinggi, dan jantung
3960	Selangor	Perempuan (WN)	87	Hospital Kajang	Kencing manis, darah tinggi, strok, dan buah pinggang kronik
3961	Selangor	Perempuan (WN)	84	Hospital Kajang	Kencing manis, darah tinggi, strok, dan jantung
3962	Selangor	Perempuan (WN)	80	Hospital Selayang	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang kronik
3963	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	98	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	-
3964	Sarawak	Perempuan (WN)	72	Hospital Umum Sarawak, Kuching	Darah tinggi dan buah pinggang
3965	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	58	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan tiroid
3966	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	43	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis dan dislipidemia
3967	WP Labuan	Lelaki (BWN)	56	Hospital Labuan	-
3968	Johor	Perempuan (BWN)	57	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kencing manis

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

LAMPIRAN 3

Perincian 4,949 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 14 Jun 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	1,523	199	998	-	326
SARAWAK	744	146	440	-	158
WP KUALA LUMPUR	503	125	252	2	124
JOHOR	430	197	148	2	83
NEGERI SEMBILAN	323	78	127	2	116
SABAH	273	79	145	-	49
PULAU PINANG	214	132	49	-	33
KELANTAN	214	27	148	-	39
KEDAH	199	49	95	-	55
PERAK	136	35	58	-	43
MELAKA	119	22	67	-	30
WP LABUAN	113	14	59	-	40
TERENGGANU	86	6	67	-	13
PAHANG	61	25	33	-	3
WP PUTRAJAYA	10	-	7	-	3
PERLIS	1	-	1	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	4,949	1,134	2,694	6	1,115

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 14 JUN 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Industri Sungai Pinang Lapan	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Petaling	75	300
2	Industri Persiaran Usahawan Tiga	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat, Kuala Langat, dan Sepang	57	338
3	Industri Subang Tujuh	Tempat Kerja	Selangor	Petaling	37	80
4	Industri Jalan Makmur	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	26	176
5	Industri Jalan Tengah Empat	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	11	42
6	Perindustrian Bakri Lima	Tempat Kerja	Johor	Muar	70	464
7	Jalan Aik Hwa Choon	Tempat Kerja	Johor	Muar	30	64
8	Walit Agas	Tempat Kerja	Johor	Tangkak dan Muar	25	45
9	Jalan Minyak Beku	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	15	216
10	Batu Empat Tunjong	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu, Bachok, Pasir Mas, dan Pasir Puteh	29	66
11	Industri 5084 Pengkalan Chepa	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu	12	20
12	Tapak Bina Persiaran Pertahanan	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	115	570
13	Sungai Sentebu	Komuniti	Sarawak	Sarikei	48	69
14	Ulu Sangan	Komuniti	Sarawak	Tatau	12	59
15	Kampung Berangan Apam	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	8	19
16	Kampung Senggang	Komuniti	Perak	Kuala Kangsar	18	47
17	Jalan Bukit Delima	Kumpulan Berisiko Tinggi	Negeri Sembilan	Seremban	28	37